


Oleh S. NATHESAN




Bahasa Melayu di Cape Town

Terdapat banyak bahasa minoriti yang dituturkan di benua Afrika ini, termasuklah bahasa Melayu, oleh sekumpulan kecil masyarakat. Bilangan orang Melayu dianggarkan kira-kira 160 000 orang. Bilangan penutur Melayu tidak dapat ditentukan sekarang. Kini, bahasa Melayu termasuk antara bahasa yang akan pupus di negara tersebut. Halnya dikatakan demikian kerana bilangan orang yang berupaya untuk menuturkan bahasa Melayu Cape Town semakin berkurangan. Cuma generasi tua sahaja dapat menuturkan bahasa tersebut, manakala generasi muda tidak dapat menuturkan bahasa Melayu Cape Town, malah tidak dapat memahaminya.

Baru-baru ini, penulis bersama-sama isteri telah mengikuti rombongan pelancongan ke Afrika Selatan. Banyak tempat dilawati seperti kota Johannesburg, atau lebih dikenali Joburg, Pretoria, dan Cape Town. Antara tempat lain yang dikunjungi di Cape Town termasuklah petempatan orang Melayu di Cape Town. Bahasa Melayu di Cape Town mempunyai sejarah yang panjang.

Sejarah Bahasa Melayu di Afrika Selatan

Sejarah bahasa Melayu di Afrika Selatan bermula pada abad ke-16 apabila orang Belanda mula bertapak di kepulauan Indonesia selepas kejatuhan Kerajaan Majapahit. Apabila mendapat tentangan daripada masyarakat tempatan, sebilangan mereka ditahan dan dijadikan hamba abdi dan kemudian dihantar ke Tanjung Harapan (*Cape of Good Hope*), Afrika, sebagai tahanan politik. Dengan ketibaan kumpulan hamba abadi orang Melayu di Tanjung Harapan, bermulalah sejarah orang Melayu dan bahasa Melayu di benua kulit hitam ini.



Pada tahun 1652, Kompeni Hindia Timur Belanda telah menjadikan Cape Town sebagai tempat persinggahan dan garrison kapal-kapal yang belayar dari Eropah ke Asia. Persinggahan orang Belanda menyebabkan beberapa implikasi. Antaranya, termasuklah berlakunya perkahwinan campur antara orang Belanda dengan orang tempatan, dan orang Melayu yang dibawa masuk sebagai hamba abdi.


The Malays of Capetown, Mayson (1861) mencatatkan bahawa pada tahun 1652, beberapa orang Melayu dari Batavia (Jakarta) telah dibawa masuk ke Tanjung Harapan oleh orang Belanda. Hal yang sedemikian ini merupakan detik permulaan kemasukan orang Melayu ke Afrika Selatan. Lihat gambar Tanjung Harapan di Afrika Selatan, tempat pendaratan orang Melayu pada masa dahulu.

Komuniti Melayu Cape yang kaya dengan tradisi budaya dan agama telah memainkan peranan besar dalam pembentukan sejarah dan keanekaragaman Cape Town. Istilah Melayu dan Muslim selalunya digunakan sebagai sinonim untuk merujuk masyarakat Melayu Cape. Sebenarnya, istilah Melayu merujuk bahagian komuniti masyarakat Muslim tempatan berketurunan Melayu Timur yang ditemui di Afrika Selatan. Dianggarkan kira-kira 160 000 orang Melayu tinggal di Cape Town dan kira-kira 10 000 orang di Johannesburg. Petempatan Melayu tersebut terletak di Bukit Signal



Tanjung Harapan, tempat pendaratan orang Melayu dahulu di Afrika Selatan Melayu Cape

(Signal Hill) dan dirujuk sebagai *Bo-Kaap* yang bermaksud "Di atas Cape". Kawasan ini kekal sebagai kawasan Muslim sehingga hari ini. Lihat gambar petempatan Melayu di bawah:



Bahasa di Afrika Selatan

Kini, terdapat 11 bahasa utama yang dituturkan di Afrika Selatan. Antaranya termasuklah bahasa Afrikaan, Inggeris, Ndebele, Northern Sotho, Swazi, Tswana, Tsonga, Venda, Xhosa, dan Zulu. Namun, tiga bahasa utama di Afrika Selatan ialah bahasa Zulu (22.7%), Xhosa (16.0%) dan Afrikaans (13.5%). Bahasa Inggeris pula, bahasa perdagangan dan sains dan teknologi, menjadi bahasa keempat terbesar yang dituturkan di Afrika Selatan, iaitu oleh 9.6% daripada penduduk Afrika Selatan.

Kini, bahasa Afrikaan dikategorikan sebagai bahasa kreol, walaupun pada masa dahulu bahasa tersebut dianggap sebagai salah satu dialek bahasa Belanda sehingga tahun 1925. Kreol difahami sebagai bahasa yang terbentuk daripada campuran dua bahasa yang berlainan melalui

perturunan sehingga menjadi bahasa utama dalam komuniti atau daerah tertentu (*Kamus Dewan*, 2016). Sebenarnya, hal yang sedemikian inilah yang berlaku di Afrika Selatan dengan kemunculan

Afrika Selatan bermula abad ke-18. Bahasa Afrikaan dituturkan terutamanya di Afrika Selatan dan Namibia, serta di negeri Botswana dan Zimbabwe. Kosa kata bahasa Afrikaan terdiri kebanyakannya daripada bahasa Belanda. Ada juga yang dipinjamkan daripada bahasa Portugis, Bantu, Melayu, dan Jerman. Antara kosa kata Melayu termasuklah *kapok* (kapas), *piesang* (pisang) dan *blatjang* (belacan) yang masih digunakan dalam bahasa Afrikaan.

Terdapat banyak bahasa minoriti yang dituturkan di benua Afrika ini, termasuklah bahasa Melayu, oleh sekumpulan kecil masyarakat. Bilangan orang Melayu dianggarkan kira-kira



Petempatan Orang Melayu di Cape Town

bahasa Afrikaan, iaitu campuran bahasa Belanda dengan bahasa Khoisan, iaitu bahasa tempatan dan bahasa pendatang seperti orang India, Melayu, Cina, dan Eropah. Afrikaan bermaksud negara *Africa* dalam bahasa Belanda.

Pada mulanya, bahasa Afrikaan yang dituturkan oleh peneroka Belanda yang mula bertapak di

160 000 orang. Bilangan penutur Melayu tidak dapat ditentukan sekarang. Kini, bahasa Melayu termasuk antara bahasa yang akan pupus di negara tersebut. Halnya dikatakan demikian kerana bilangan orang yang berupaya untuk menuturkan bahasa Melayu Cape Town semakin berkurangan. Cuma generasi tua sahaja dapat menuturkan bahasa tersebut,



Salah sebuah restoran Melayu di Bo-Kaap

manakala generasi muda tidak dapat menuturkan bahasa Melayu Cape Town, malah tidak dapat memahaminya.

Walaupun pada mulanya, orang Melayu menuturkan bahasa Melayu secara meluas, namun, lama-kelamaan bahasa Afrikaan menjadi bahasa perhubungan

utama dalam peredaran masa. Hal ini bermaksud pengguna bahasa Melayu menjadi semakin kurang. Pada hari ini, kebanyakan orang Melayu Cape tidak berupaya berbahasa Melayu.

Penulis sendiri pernah bertanyakan hal tersebut kepada dua orang Melayu Cape yang

dijumpai semasa mengunjungi Cape Town. Dua orang tersebut memang keturunan Melayu, iaitu dua orang wanita yang menyatakan kekecewaan mereka kerana tidak dapat berbahasa Melayu. Hal yang sedemikian ini terjadi kerana saingan bahasa lain, terutama bahasa Afrikaan, yang digunakan secara berleluasa sehingga menggantikan bahasa Melayu dalam kalangan orang Melayu. Selain itu, bahasa Afrikaan digunakan di sekolah-sekolah agama dan masjid di Cape Town. Hal yang sedemikian ini telah mengukuhkan kedudukan bahasa Afrikaan dalam kalangan orang Melayu Cape.

Seperti yang dijelaskan pada awal, status bahasa Melayu memang terancam di Cape Town. Penuturnya semakin berkurangan dan didapati bahawa bahasa Melayu hanya difahami dan dituturkan oleh generasi tua di Afrika Selatan, khususnya di Cape Town. Selagi usaha konkrit tidak diambil untuk memelihara dan memupuk bahasa Melayu, nescaya bahasa Melayu akan hilang dari bumi Afrika Selatan tidak lama lagi.

Semoga ada usaha murni yang akan diambil untuk memelihara dan memupuk bahasa Melayu di Afrika Selatan, khususnya di Cape Town, melalui kerjasama dan tindakan kolaboratif dengan negara-negara yang menuturkan bahasa Melayu seperti Malaysia dan Indonesia. Diharapkan usaha sama antara orang Melayu Cape dengan badan-badan kebahasaan seperti yang diusahakan oleh GAPENA dahulu, akan diteruskan untuk menghidupkan jiwa bahasa Melayu di Afrika Selatan. **DB**